



**KETUA PENDAFTAR
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA
REGISTRAR GENERAL
PRIVATE HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS**

Jabatan Pendidikan Tinggi
Departement Of Higher Education
Aras 9, No.2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
62200 Putrajaya
Malaysia

Tel : 603-8870 6381
Faks (Fax) : 603-8870 6840

Ruj. Kami : JPT/GS 1000-617 Jld. 1(22)

Tarikh : 20 Ogos 2015

Semua Ketua Eksekutif
Universiti Swasta, Kolej Universiti & Kampus Cawangan Luar Negara

YBhg. Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/Puan,

**PENAWARAN PROGRAM SIJIL SISWAZAH DAN DIPLOMA SISWAZAH
OLEH INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (IPTS)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat jabatan ini JPT/GS 1000-606 Jld.1 (22) bertarikh 14 Jun 2013 adalah berkaitan.

2. Penawaran program Sijil Siswazah dan Diploma Siswazah sebelum ini telah dikenakan moratorium bagi membolehkan pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) menjalankan kajian daripada aspek jaminan kualiti untuk memantapkan lagi pelaksanaan program ini oleh pihak Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS). Sebagai permulaan, penawaran program Sijil Siswazah dan Diploma Siswazah telah dibenarkan kepada IPTS yang berstatus terbuka sahaja. Walau bagaimanapun, dasar ini telah disemak dan diteliti semula untuk penambahbaikan.

3. Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti Bil.1/2015 yang diadakan pada 7 Mac 2015 telah memutuskan supaya penawaran program ini **dibenarkan kepada semua IPTS berstatus Universiti Swasta, Kolej Universiti dan Kampus Cawangan Luar negara, termasuklah universiti terbuka yang menawarkan program-**

program pada tahap 6 Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Framework, MQF*). Oleh yang demikian, IPTS yang bukan berstatus Universiti Swasta, Kolej Universiti dan Kampus Cawangan Luar Negara adalah tidak dibenarkan untuk menawarkan program Sijil Siswazah dan Diploma Siswazah di institusi mereka.

4. Sehubungan dengan itu, moratorium ke atas penawaran program Sijil Siswazah dan Diploma Siswazah melalui surat bertarikh 14 Jun 2013 adalah **dibatalkan**.

5. Pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/Puan boleh merujuk Standard program ini yang telah dibangunkan oleh pihak MQA melalui pautan <http://www.mqa.gov.my/QAD/garispanduan/GCGD-edited18Feb2014.pdf>

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' PROF. DR. ASMA BINTI ISMAIL)

Ketua Pendaftar

Institusi Pendidikan Tinggi Swasta

Kementerian Pendidikan Tinggi

s.k

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (S)
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi

Ketua Pegawai Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia

Pengarah
Bahagian Governan IPTS
Jabatan Pendidikan Tinggi

Pengarah
Bahagian Pendaftaran dan Piawaian
Jabatan Pendidikan Tinggi

Pengarah
Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat
Jabatan Pendidikan Tinggi